



Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Didik Budaya Kerja Selamat



Peserta pertandingan Kawad Kebakaran Berpasukan mempraktikkan kaedah pamadaman api yang betul.

SERDANG, 31 Dis – Amalan keselamatan di tempat kerja tidak seharusnya disandarkan pada prinsip 'belajar dari pengalaman' kerana boleh mengancam nyawa.

Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP), Dr. Samsul Bahari Mohd Noor berkata Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Universiti Putra Malaysia (UPM) mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan lebih menekankan kepada keselamatan kebakaran.

"Amalan terbaik dari agensi lain harus menjadi wadah perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam menangani isu-isu berkaitan keselamatan di tempat kerja," katanya pada Majlis Penutup Minggu KKP, UPM.

Beliau berkata minggu KKP bukan setakat acara tahunan sebaliknya warga kampus harus sentiasa membuat perbandingan dan penilaian terhadap tahap keselamatan dan kesihatan tempat kerja masing-masing dalam usaha menerapkan budaya kerja yang selamat dan sihat.

Seminar Minggu KKP yang berlangsung dari 28 hingga 31 Disember lalu merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh PPKKP untuk memberi kesedaran kepada warga universiti dan pengurusan pusat tanggungjawab (PTJ) tentang peranan masing-masing dalam meningkatkan keselamatan di tempat kerja.



Peserta seminar mendengar penerangan penggunaan salah satu alatan keselamatan yang dipamerkan.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata

hanya 40 peratus dari 66 jawatankuasa KKP PTJ yang aktif menjalankan aktiviti KKP.

“PPKKP memainkan peranan sangat penting untuk menambahbaik data dan maklumat berkaitan jawatankuasa KKP pada peringkat PTJ bagi menyalurkan sebarang bentuk informasi, arahan dan bantuan dengan mudah.

“Dalam kita bergerak aktif untuk menghasilkan output yang terbaik kepada universiti, aspek keselamatan pekerjaan tidak boleh dipandang ringan. Justeru, PPKKP perlu memainkan peranannya dalam menyebarkan maklumat manakala semua pihak dalam universiti perlu bekerjasama,” katanya.

Minggu KKP pada kali ini bertemakan ‘Menjadikan Budaya Kerja Selamat Satu Realiti : Keselamatan Bermula Dengan Saya’ turut mengadakan siri ceramah, pertandingan Kawad Kebakaran Berpasukan yang dimenangi oleh Pejabat Pendaftar, Kuiz KKP yang dimenangi oleh Nik Azarudi Nik Abdul Kadir dari Kolej Tun Perak dan Audit Anugerah Tempat Kerja Selamat yang dimenangi oleh Institut Biosains.



Juara keseluruhan Anugerah Tempat Kerja Selamat Minggu KKP UPM 2009, Institut Biosains.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. Maklumat lanjut sila hubungi Pn. Nor Afida Miskam 03-89471129 atau Ili Syazwani Zahimi (012-3764581)